

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
[PARIT ]**

**SOALAN :**

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) apakah pendirian Kerajaan terhadap penyerahan bantuan zakat yang dikendalikan oleh individu bukan Islam; dan
- b) adakah terdapat garis panduan tertentu yang dikeluarkan oleh Kementerian bagi penyerahan bantuan zakat ini.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di Pertua,

a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan aktiviti agihan zakat adalah berbeza bagi setiap negeri mengikut dasar dan pertimbangan pihak berkuasa agama Islam negeri masing-masing dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusannya dalam perkara berkenaan.

## **NO. SOALAN : 294**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkara berkaitan penyerahan bantuan zakat oleh individu bukan Islam kepada asnaf yang dibuat oleh pemimpin politik bukan beragama Islam sepertimana yang berlaku di Pulau Pinang tempoh hari, penyerahan bantuan oleh wakil rakyat bukan Islam dilihat hanya sebagai pengantara dalam kapasiti sebagai pemimpin masyarakat semasa penyampaian bantuan tersebut, namun apa yang lebih penting adalah zakat tersebut diserahkan kepada golongan yang layak menerima zakat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran, dalam surah At-Taubah Ayat 60 telah menjelaskan bahawa zakat hanyalah layak diberi kepada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, al-gharimin dan ar-riqab.

Oleh itu, saya percaya kerajaan negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari semasa ke semasa mengikut kemampuan masing-masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat.

**b)** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Sedia Maklum, garis panduan yang pernah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan sebelum ini adalah Manual Pengurusan Agihan Zakat yang telah diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2007. Penyediaan manual ini adalah dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) sebagai panduan dan rujukan MAIN dan AMZ dalam urusan agihan zakat kepada asnaf yang berkecukupan.

Sekian, terima kasih.